



LEE YOKE LIN

CINTANYA TERTUMPAH DI SINI

Oleh: Mohd Ghazali Tocheh

KECACATAN mata yang dialaminya bukanlah alasan dan sekatan untuknya meneruskan perjuangan. Sebaliknya kecacatan mata yang dialaminya menjadikan dia seorang manusia yang berwawasan, berdaya saing dan tinggi semangat untuk menempa kejayaan demi kejayaan. Walaupun sudah ditinggalkan suami, kekecewaannya bukan faktor yang mampu melemahkan perjuangannya menempa hidup yang gemilang. Kemiskinan hidup keluarga banyak mendidik dan mengajarnya menjadi manusia yang rajin berusaha, kuat bekerja, sabar dan tabah.

Berasal dari Negeri Sembilan Darul Khusus dan dilahirkan di 124, Jalan Limbok Atas, Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus pada 7 Ogos 1950. Dia adalah anak sulung daripada sepuluh orang adik-beradik terdiri daripada 5 lelaki dan 5 perempuan. Bapanya seorang penjual air batu di Pasar Besar Seremban dan ibunya pula suri rumahtangga sepenuh masa. Walaupun

pada masa ini dia mengalami kecacatan penglihatan, sewaktu Yoke Lin dilahir dan dibesarkan penglihatannya tidak mengalami sebarang gangguan. Di dalam erti kata lain, dia dilahirkan dalam keadaan baik, sihat dan normal pancainderanya.

Dia mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) China Chi Hwa, Jalan Temiang, Seremban. Dia mula mengalami masalah pandangan di mata kirinya sewaktu belajar di Darjah Lima di sekolah tersebut. Walaupun gangguan itu dirasakannya ringan sahaja, dia tetap mendapatkan rawatan di Klinik Mata, Hospital Besar Seremban.

Selepas sekali menjalani pemeriksaan dan menerima rawatan, dia tidak lagi ke klinik berkenaan untuk mendapatkan rawatan lanjut di mata kirinya. Di samping gangguan pandangan di mata kirinya tidak menjejaskan pergerakan dan pembelajarannya, disebabkan kemiskinan hidup yang memaksa kedua orang tuanya bekerja saban hari, secara tidak langsung gangguan pandangan di mata kiri yang didepaninya dibiarkannya berlalu begitu sahaja.

Disebabkan kemiskinan juga, Yoke Lin tidak dapat meneruskan persekolahannya ke peringkat menengah. Sebaik menamatkan pelajaran di peringkat rendah, dia telah diminta bapanya membantu kerja-kerja di kedai. Dia bersama adiknya, pun perempuan juga akur pada kehendak bapa mereka. Pagi-pagi lagi mereka akan ke kedai untuk memotong bongkah-bongkah air batu yang dihantar pembekal. Bongkah-bongkah air batu yang beratnya sehingga dua ratus paun setiap satu itu akan mereka potong-potong dengan gergaji khas, menjadikannya ketul-ketul kecil mengikut ukuran yang sudah ditentukan. Setelah siap, ketul-ketul air batu yang sudah dipotong-potong itu dimasukkan dan diaturnya pula ke dalam peti-peti simpanannya. Untuk memastikan air batu yang disimpan itu tidak mudah cair, peti-peti itu terlebih dahulu dialas dan didinding dengan habuk kayu secukupnya.

Mereka yang menjadi pelanggan tetap air batu perniagaan bapanya sentiasa diberi keutamaan bekalan. Mereka terdiri daripada peniaga-peniaga dan penjaja-penjaja ikan dan

seumpamanya di Pasar Besar Seremban, kedai-kedai minuman dan makanan, restoran-restoran dan sebagainya di sekitar Bandar Seremban. Untuk menentukan air batu langganan mereka dibekalkan tepat pada waktunya, dia dikehendaki bapanya menghantarkannya pada mereka setiap hari. Sebelum ketul-ketul air batu itu dihantar pada pelanggan-pelanggan, dia dan adiknya terlebih dahulu membalutnya dengan habuk kayu secukupnya sebelum dimasuk dan disusun ke dalam guni. Setelah semuanya siap sedia, guni-guni berisi ketul-ketul air batu tadi akan dihantar pada pelanggan di sekitar Bandar Seremban dengan mengayuh beca dari setempat ke setempat.

Itulah tugas-tugas besar yang mesti dilaksanakannya setiap hari bermula seawal pukul tujuh pagi sehinggalah ke malam. Selagi kerja-kerja mereka di kedai belum selesai, dia dan adiknya tidak akan balik ke rumah. Isu letih dan penat, langsung tidak dirasakannya, jauh sekali merungut dan mempersoalkannya. Tidak hairanlah ada hari-harinya dia bersama adiknya membantu kerja-kerja bapa mereka hingga ke tengah malam.

Sedang dia seronok dan bersungguh-sungguh membantu kerja-kerja bapa di kedai, gangguan pandangan di mata kirinya tiba-tiba menjadi teruk dan meruncing. Bukan setakat terganggu pandangan cuma, mata kirinya juga sudah berubah warna menjadi merah bernyalanya dan sakit berdenyut-denyut. Ekoran itu, dia langsung mendapat rawatan di Klinik Mata, Hospital Besar Seremban.

Tahun 1966 ketika dirinya sudah memasuki alam remaja di usia enam belas tahun, apa yang dialami di mata kirinya benar-benar mencorak rentetan titian hidupnya pada hari-hari mendatang. Seminggu selepas mendapatkan pemeriksaan dan rawatan di Klinik Mata, Hospital Besar Seremban, pandangan mata kirinya langsung hilang dan tidak bercahaya lagi. Selepas beberapa kali menjalani pemeriksaan susulan, doktor yang merawatnya mengesahkan bahawa mata kirinya sudah menjadi buta bahawa penyakit glukoma.

Walaupun dia terperanjat dan kecewa dengan nasib malang yang menimpanya,

kesedihan yang dialaminya tidaklah sampai menjejaskan perjalanannya seharian. Ini disebabkan kuasa matanya yang kanan masih mampu melihat dengan baik. Untuk menjamin pandangan mata kanannya tidak terjejas, nasihat doktor supaya dia memakai cermin mata terus diakurinya sepenuh hati. Ekoran apa yang dialaminya itu juga, bapanya tidak mengizinkan dia lagi bekerja di kedai. Walaupun dia kesal dan hampa, tindakan bapanya menegahinya begitu amat difahaminya.

Memandangkan waktunya sudah banyak terluang, dia menggabungkan dirinya dengan kelab belia setempat dan berjinak-jinak dengan kegiatan-kegiatan kebudayaan, sukan dan sosial yang dikendalikan kelab itu. Dia terus menyumbang bakti di mana sesuai dan boleh. Lama-kelamaan dia bukan sahaja sudah punya ramai teman, sahabat dan taulan, dia juga sudah belajar dan mendapat pengalaman bermacam-macam di kelab itu. Dia sudah sibuk dengan aktiviti Tarian Naganya, belajar menyanyi berbagai lagu tradisional, bersukan badminton dan belajar kung fu.

Serentak itu pula, Yoke Lin bersama seorang teman karib sebayanya pun seorang gadis juga telah berkongsi membuka perniagaan air tebu di tepi Jalan Templer, Seremban. Tindakannya berdikari seperti ini mendapat restu kedua ibu dan bapanya. Soal bekalan air batu, langsung tidak timbul. Bekalan tebu mentah pula, dia memperolehnya daripada tuan punya ladang tebu di Paroi yang membekalkannya setiap kali dia memerlukannya.

Semasa berniaga air tebu inilah dia bertemu jodoh dengan seorang anak muda seketurunannya yang bekerja sebagai tukang kayu. Disebabkan suka padanya, anak muda ini sentiasa datang membeli minuman air tebu di gerainya setiap hari. Hasil daripada keramahan, usik-mengusik dan kemesraan yang terjalin, dia akhirnya yang pada ketika itu sudah di usia sembilan belas tahun bersetuju menamatkan zaman bujangnya. Pada tahun 1969, dia telah mendirikan rumahtangga dengan pemuda itu.

Pada tahun yang sama juga, ibunya beroleh pekerjaan sebagai Buruh Am di SRJK China Chee Wah, Jalan Temiang, Seremban. Bukan hidup keluarga sahaja sudah bertambah baik, hidupnya juga sudah terbela kini. Kedua ibu dan bapa serta adik-adik tidak lagi tinggal di rumah sewa. Mereka telah diberi kediaman tetap di Rumah Kakitangan yang disediakan pihak sekolah. Di samping pendapatan ibu turut membantu bapa ke hala menceriaan hidup sekeluarga, adik-adiknya pula ada yang sudah bekerja dan mampu berdikari. Walaupun seorang-berdua di kalangan adik-adiknya masih belajar lagi, masing-masing sudah pandai mengurus diri. Walaupun dia dan suami tinggal berasingan, dia tetap tidak melupakan keluarga dan sering datang menjengah mereka apabila ada waktu terluang.

Setahun selepas mendirikan rumahtangga, mereka dikurniakan cahaya mata pertama pada tahun 1970, diikuti anak kedua mereka pada tahun 1973, kedua-duanya lelaki. Di dalam tempoh itulah juga, hubungannya dengan suami mulai retak dan kesihatan mata kanannya mula terjejas. Rakan-rakan yang pernah bersama-samanya di kelab dahulu begitu simpati dengan untung nasib yang dialaminya. Berikutan itu, mereka berikhtiar mengumpul dana untuk menghantarnya ke China bagi mengubati pandangan mata kanannya yang semakin meruncing.

Usaha rakan-rakannya tidak sia-sia. Di samping semua pihak yang mengenalinya, pihak MCA (Malayan China Assembly) setempat dan juga media cetak berbahasa Cina, mereka berjaya mengumpulkan wang lebih kurang tiga belas ribu ringgit jumlahnya. Semasa usia anak keduanya baru empat puluh hari iaitu di dalam tahun 1973, dia dengan diiringi dua orang adiknya terbang ke Negara China untuk mendapat rawatan di sana.

Selepas melalui pembedahan mata di China, penglihatan mata kanannya kembali pulih sepenuhnya. Walau bagaimanapun, pandangan mata kirinya tetap gagal dipulihkan. Sedang cahaya keceriaan menyelubungi suasana hidup dan rumahtangganya, tanpa diduganya suaminya pula hilang pekerjaan. Untuk menjaminkan keperluan hidup mereka sekeluarga mencukupi, dia berjualan bahan-bahan ringan seperti syampu, sabun dan sebagainya dari rumah ke rumah dan

dari setempat ke setempat.

Belum pun tiga tahun lamanya dia menjalankan pekerjaan itu, penglihatan matanya kembali terjejas. Ekoran itu, dia segera ke Klinik Mata, Hospital Besar Seremban untuk mendapatkan rawatan. Doktor yang merawatnya menyatakan bahawa penglihatannya sudah terlalu tipis dan tiada harapan lagi untuk dipulihkan. Doktor itu juga menyarankan supaya dia segera menjalani latihan pemulihan di Pusat Latihan Gurney (GTC), Persatuan Bagi Orang-orang Buta Malaysia (MAB), Brickfields, Kuala Lumpur.

Hasil saranan itu, dia telah menemui Pegawai Kebajikan Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat Seremban. Pada bulan Julai, 1973, Pihak berkenaan jugalah yang menguruskan permohonan kemasukan dan penghantarannya ke GTC, MAB. Anak-anaknya yang masih kecil-kecil lagi yang memerlukan belaian dan kasih sayangnya terpaksa ditinggalkan. Anak-anaknya yang sulung ditinggalkannya di bawah jagaan ibu sendiri, sementara anaknya yang bongsu pula ditinggalkannya di bawah peliharaan ibu mentuanya.

Di samping sedih berpisah dengan anak-anak dan hubungannya dengan suami persis retak menanti belah, dia tetap menaruh harapan besar agar hidupnya yang sudah mulai gelap kembali terang dan bersinar. Berbekalkan harapannya yang menggunung tersemat di jiwa, dia terus melangkah maju tapak demi tapak menggapai harapan. Di samping menjalani latihan pemulihan bersungguh-sungguh di GTC, setiap kali ada waktu terluang dia tidak lupa balik ke Seremban untuk bertemu anak-anak.

Namun belum pun beberapa lama dia berada di GTC, dia diberi khabar yang amat menyeksakannya. Suaminya sudah berkahwin lain, itulah khabar yang benar-benar mengecewa dan meremukannya. Dia tidak berdaya berbuat apa-apa selain daripada menguatkan semangat, cekat dan tabah mendepani cabaran hidup yang amat pahit untuk ditelannya. Selepas dapat menerima hakikat hidupnya yang sebenar, dia terus meningkatkan lagi usahanya membina hidup

dan kehidupan menuju jaya. Segala kesedihan yang ditanggungnya menjadi tawar beransur-ansur ekoran penumpuannya yang penuh pada segala macam pembelajaran dan kegiatan yang terdapat di GTC. Dia sudah punya ramai kawan yang sedia membantunya. Dia bukan sahaja boleh menyanyi untuk menghibur diri sendiri, dia juga amat berminat bermain pingpong dan belajar mengenal dan membaca Braille. Di samping memahirkan diri di bidang menganyam berbagai jenis bakul daripada rotan halus, dia juga menjalani latihan asas sebagai persediaan untuk bekerja di kilang.

Belum pun enam bulan di GTC, dia telah ditawarkan pekerjaan oleh pihak Syarikat Tamura, Sungai Way melalui MAB. Dia menyambutnya meriah dan memulakan tugasnya pada Januari 1977. Namun pendapatannya tidaklah seperti yang diangan-angankannya. Untuk memenuhi keperluan sara hidup sendiri dan belanja anak-anak, dia berjualan makanan ringan seperti kacang-kacang, buah-buah dalam kotak dan lain-lain dari rumah ke rumah di sekitar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya pada setiap hujung minggu, cuti umum dan hari-hari tidak bekerja.

Selepas lebih setahun bekerja di Sungai Way, pada pertengahan tahun 1978 dia ditawarkan pula bekerja di Syarikat Dunlop, Jalan Rasah, Seremban. Dia menerimanya dengan bulat hati. Tugasnya di sini ialah memasukkan bantal-bantal, tilam-tilam dan seumpamanya ke dalam sampul-sampulnya yang sudah ditentukan. Setelah bekerja di Syarikat Dunlop, corak kehidupannya mulai berubah beransur-ansur. Kalau dua tiga tahun sebelumnya dia tinggal menyewa, selepas itu dia tidak perlu berbuat demikian lagi. Rumah Rakyat di bawah skim sewa/beli di Rahang, Seremban yang dipohonnya pada tahun 1978 telah diluluskan oleh pihak berkenaan untuknya pada tahun 1981. Hidupnya tambah ceria disebabkan ketika itu kedua-dua anaknya sudah bekerja dan tinggal sekediamannya pula. Dari segi pembiayaan keperluan hidup seharian termasuk makan-minum, pakai-patut, sakit-pening dan yang lain-lain, segalanya itu anak-anaknya yang menampungnya.

Selepas lebih kurang empat belas tahun berkhidmat di Syarikat Dunlop, syarikat berkenaan telah menutup operasinya dan dia dibayar pampasan. Disebabkan sudah tidak bekerja lagi, dia berhasrat membuka kedai urut sendiri untuk mencari pendapatan di samping mengisi masa lapang. Sebenarnya selama di dalam tempoh bekerja di Syarikat Dunlop lagi pun, niatnya itu sudah lama bersemi di hati. Lagi pula aspek-aspek urut dan refleksologi sememangnya sudah ada di dalam kemahirannya. Sebenarnya selama dia berkhidmat di Syarikat Dunlop, pada setiap cuti hujung minggu dan hari-hari tidak bekerja, dia akan turun ke Kuala Lumpur belajar urut dengan kenalan dan kawan-kawan. Ditambah lagi adik iparnya juga seorang Juruurut dan Refleksologi bertauliah selepas menjalani latihan khas di Negara China buat beberapa tahun. Dengan adik iparnya juga dia tidak ketinggalan memperdalam dan mempertajamkan lagi ilmu urut dan refleksologi dari segala segi sebagai persediaan untuk membuka perniagaan sendiri.

Setelah yakin dengan kebolehan sendiri, pada tahun 1992 dengan wang pampasan dijadikan modal, dia bersama adiknya (lelaki) telah menyewa sebuah bilik di salah sebuah kedai saloon di Jalan Tun Ismail, Seremban untuk memulakan perniagaan. Mendapati sambutan pelanggan menggalakkan berbanding ruang yang disewa sememangnya kecil, dia telah memindahkan perniagaannya ke sebuah kedai yang disewa khusus dan dinamakannya Pusat Urut Tradisional Lee, Jalan Tun Ismail, Seremban. Dari sehari ke sehari Pusat Urut Tradisional Lee terus mendapat sambutan baik dan menggalakkan daripada pelanggan-pelanggan dan berkekalan sehingga sekarang.

Selepas lebih setahun bergiat dengan perniagaannya di Seremban, Yoke Lin terpaksa berpindah semula ke Kuala Lumpur. Ini disebabkan kedua-dua anaknya sudah berpindah tempat kerja ke Kuala Lumpur. Tentang tempat tinggal, dia dan anak-anak tidak perlu khuatir. Dia sememangnya sudah ada seunit rumah sendiri jenis Rumah Rakyat di Jalan Kuchai Lama, Kuala Lumpur yang dibelinya pada tahun 1989 dan mereka tinggal di sini mulai pada tahun 1993.

Setelah berpindah ke Kuala Lumpur, dia terus berusaha untuk menjadi seorang Juruurut di mana-mana pusat urut milik rakan-rakan senasib yang banyak terdapat di Brickfields.

Hajatnya tetap terkabul apabila pusat-pusat urut milik rakan-rakan senasib ramai didatangi pelanggan dan mereka memerlukan juruurut yang berkemahiran. Berkaitan kelayakan dan kemahirannya di bidang urut, rakan-rakan senasib yang memiliki pusat-pusat urut di Kuala Lumpur sudah sedia mengetahuinya. Walau bagaimanapun, bagi mereka yang baru di bidang ini akan diuji kebolehan dan kemahirannya sebelum diambil menjadi juruurut.

Secara tidak langsung sesudah kehadirannya di Kuala Lumpur, dia sudah diiktiraf sebagai juruurut bebas. Mana-mana pusat urut memerlukan khidmatnya, dia akan segera memenuhinya pada bila-bila masa. Setelah usianya memasuki angka empat puluhan tahun, dengan alasan kecacatan penglihatan dan untuk memulakan perniagaan, dia memohon mengeluarkan sebahagian daripada simpanannya di Kumpulanwang Simpanan Pekerja yang dibuatnya selama dia bekerja dahulu. Dia bernasib baik. Permohonannya diluluskan. Dengan wang itulah juga, pada tahun 1996 dia memulakan perniagaannya di tingkat 1, Bangunan Majlis Kebangsaan Orang-orang Buta Malaysia (NCBM), 94A, Jalan Tun Sambanthan, Brickfields, Kuala Lumpur. Pada masa itu tiada lagi pusat urut untuk wanita di samping lelaki dan dia merupakan wanita mula-mula membuka pusat urut khusus untuk wanita di Brickfields.

Dari semasa ke semasa perniagaannya terus pesat berkembang maju. Di samping dirinya sendiri sebagai juruurut, dia juga tidak ketinggalan membukakan peluang pada juruurut bebas terdiri daripada rakan-rakan senasib untuk berkhidmat di pusat urutnya apabila diperlukan. Pada masa itu, mereka akan dibayar pada kadar 60% : 40% atas caj keseluruhan yang dikenakan pada setiap pelanggan yang datang mendapatkan perkhidmatan. Walaupun kadar sewaan ruang yang dikenakan NCBM sejumlah seribu lima ratus ringgit sebulan padanya, pendapatan yang diraih pula nyata memuas dan menguntungkan.

Selepas lebih enam tahun beroperasi di bangunan NCBM, pada bulan Mac, 2002 dia memindahkan operasi pusat urutnya ke no. 25M, Jalan Tun Sambanthan 4, Brickfields, Kuala Lumpur. Walaupun berpindah ke tempat yang baru, nombor talian telefon dan nama pusat

urutnya yang rasmi iaitu Pusat Urut Tradisional BL seperti yang digunakannya selama beroperasi di bangunan NCBM terus dikekalkannya. Selain masalah tempat letak kereta yang didepani pelanggan yang datang selama beroperasi di bangunan NCBM dapat diatasi, faktor keselamatan juruurut bebas yang berkhidmat di pusat urutnya yang baru ini tidak lagi diancam penyeluk saku dan samun lebih-lebih lagi di sebelah malam. Setelah hampir dua tahun beroperasi di tempat yang baru, perniagaannya terus pesat dan berkembang maju. Ruang di tempat yang baru ini lebih luas dan boleh menempatkan banyak katil. Isu pelanggan menunggu giliran hingga terlalu lama untuk mendapatkan perkhidmatan di pusat urutnya yang baru ini langsung tidak timbul.

Apabila ditanya bagaimana dia mengenalkan perniagaannya pada umum, Yoke Lin menjawab, "Saya meminta pihak media massa elektronik dan media cetak seperti radio, TV, surat khabar mengiklan dan menghebahkannya."

Selain daripada itu, katanya lagi, dia juga mengedarkan kad perniagaan yang dicetak sendiri yang mempamerkan nama perniagaan dan lain-lain maklumat utama pada awam secara percuma. Bukan selama beroperasi di Kuala Lumpur sahaja, kaedah yang sama turut dipraktikkannya sewaktu dia mula-mula membuka perniagaan pusat urutnya di Seremban. Kata Yoke Lin lagi, pelanggan yang sudah menerima perkhidmatannya juga turut membantu menghebah dan menambahkan lagi pelanggan di pusat urutnya. Apabila ditanya tentang perkembangan perniagaan Pusat Urutnya di Seremban, katanya pusat urut itu masih lagi beroperasi dan sudah bertambah maju. Pusat urut itu kini sudah di bawah kendalian adiknya. Apabila ada waktu yang terluang, dia pasti turun ke Seremban untuk mengikuti perkembangan pusat urut itu sewajarnya.

Walaupun dia sibuk dengan perniagaannya, Yoke Lin masih lagi berkesempatan menganggotai Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia sebagai ahli biasa. Apabila ditanya lagi tentang kegiatan-kegiatan luar yang pernah disertainya, "Saya gemar bersukan dan

saya juga wakil Jabatan Kebajikan Masyarakat Seremban ke Pertandingan Sukan Anjuran Kebajikan Masyarakat sejak tahun 1980 lagi sehinggalah sekarang. Jenis sukan yang saya sertai ialah melempar cakera, melontar peluru dan melontar lembing. Sejak melibatkan diri di dalam sukan tersebut yang diadakan dua tahun sekali, setiap acara itu saya berjaya menjadi juaranya. Sehingga kini saya telahpun merangkul lebih dua puluh pingat emas yang ada saya simpan di rumah”. Menurutnya lagi, dewasa ini dia gemar bermain boling. Bila ada kelapangan waktu, dia pasti ke pusat boling berdekatan untuk memenuhi minatnya dengan perbelanjaan sendiri.

Apabila ditanya pendapatnya tentang perkembangan orang-orang cacat penglihatan masa kini, dia menaruh harapan tinggi agar mereka teruskan perjuangan masing-masing menuju jaya dan berdikari. Padanya cita-cita merupakan landasan konkrit untuk seseorang merealisasikan idaman. Padanya, semua manusia berhak hidup bahagia tanpa memilih sama ada mereka cacat atau di sebaliknya. Apa yang penting, mereka yang cacat mestilah diberi peluang seluas-luasnya untuk melengkapkan diri masing-masing dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran terpilih secukupnya untuk bekalan mereka meneroka hidup berdikari dan bahagia di hari muka.